

Banduan mengaku guna dadah dipenjara dan diawasi polis

MIRI: Seorang banduan dijatuhi hukuman penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama dua tahun mengikut Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, keseriusan kesalahan, kepentingan awam serta tertuduh turut mempunyai rekod lampau berkaitan kes sama.

Tertuduh, Frankie Empam, 35, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2

Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 4.35 petang, 27 April lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang sedang menjalani hukuman di Penjara Pusat Miri selepas dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret Miri pada 27 April lalu atas kesalahan sama, merayu hukuman ringan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.